

SABTU, 27 MEI, 1978

Pelaburan asing meningkatkan \$1,000 juta

PELABURAN asing dalam syarikat perintis di Malaysia berjumlah \$1,000 juta tahun lalu, Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata di sini kelmarin.

Beliau memberitahu satu sidang akhbar kepada wartawan Perancis bahawa pelaburan asing bagi tahun sebelumnya (1976) berjumlah hanya \$819 juta.

Dato Seri Dr. Mahathir sedang mengetuai rombongan Malaysia di satu seminar pelaburan yang dihadiri kira-kira 100 orang usahawan Perancis.

Katanya, pelaburan dalam tahun 1974 dan 1975 kebanyakannya datang dari Amerika tetapi keadaan mula berubah dalam tahun 1976.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata hari ini, beliau akan menemui lima buah syarikat Perancis yang berminat untuk melabur modal di Malaysia.

Setengah dari mereka ingin menubuhkan perusahaan di Malaysia manakala yang lain ingin memperbesar lagi perusahaan mereka yang ada di Malaysia sekarang.

Enam belas buah syarikat lain akan juga menemui anggota rombongan itu.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata kemungkinan menubuhkan satu projek memproses logam di Sabah juga disebut. Jika ini berhasil, ia akan melibatkan pelaburan \$300 juta.

Sebuah syarikat Perancis berminat untuk menyertai projek pembina-

PARIS, Jumaat (Bernama)

naan jalanraya di Malaysia. Timbalan Perdana Menteri berkata sepanjang 2,000 batu jalanraya tol akan dibina.

Di bawah sistem tol, syarikat swasta akan diberi peluang membina jalanraya dan memungut tol untuk tempoh yang ditetapkan.

Projek jambatan Pulau Pinang juga akan dibina mengikut sistem yang sama.

Dato Seri Dr. Mahathir akan menemui Menteri Perusahaan Perancis esok.

Menjawab soalan mengenai Akta Penyelarasan Perusahaan, Dato Seri Dr. Mahathir berkata ini sebenarnya satu masalah komunikasi antara pihak yang membuat keputusan dengan pihak yang melaksanakan.

Undang-undang seperti Akta Penyelarasan Perusahaan itu mulanya ditimbulkan oleh jemaah menteri (kabinet) yang juga menjelaskan tujuannya. Undang-undang itu kemudiannya diserahkan kepada pegawai-pegawai untuk dilaksanakan.

Pegawai-pegawai tersebut cuba mentafsirkan kemahuan kabinet dan di dalam proses tersebut, mereka melaksanakan undang-undang itu luar dari apa yang dimaksudkan oleh kabinet.

"Sejak baru-baru ini, kami telah pun menerangkan kepada pihak pegawai apa yang patut dilaksanakan sebenarnya dan undang-undang itu tidak seharusnya menempuh sebarang masalah lagi," tegas Dato Seri Dr. Mahathir.